

31/12/2003

Sri Paduka lancar buku IPRM mengenai Dr M

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail malam tadi berkenan melancarkan penerbitan khas Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM) sebagai penghormatan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam bidang perhubungan awam.

Buku bertajuk World Class Public Relations In Practice: Tun Dr Mahathir Mohamad itu memaparkan amalan perhubungan awam dan komunikasi Perdana Menteri Malaysia keempat itu selama 22 tahun menerajui kerajaan.

Ia dikarang 15 pengamal perhubungan awam terkemuka negara termasuk Presiden IPRM, Shameem Abdul Jalil; Fellow IPRM, Datuk Dr Paddy Bowie; Felix Abisheganaden dan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Prof Datuk Hamdan Adnan.

Pada majlis itu, Tuanku Syed Sirajuddin menyampaikan naskhah pertama buku yang beliau tanda tangani kepada wakil Dr Mahathir dan keluarga, Tan Sri Hashim Ali. Dr Mahathir dan keluarga kini berada di luar negara.

Yang di-Pertuan Agong turut berkenan menyampaikan sijil penghargaan IPRM kepada penulis berkenaan serta mereka yang terbabit dalam penerbitan buku dan melancarkan penanda buku kenang-kenangan Menara Kuala Lumpur.

Hadir sama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Pengerusi Prima Group, Datuk Ariffin Yusof dan Pengerusi Menara Kuala Lumpur, Tan Sri Md Radzi Mansor.

Buku setebal 181 muka surat itu dijual di kedai buku utama dan Menara Kuala Lumpur pada harga RM200 senaskhah.